A

SHANTI EDWARD JOSEPH lwn. SHANMUGANATHAN VENUGOPAL & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
CHE RUZIMA GHAZALI PK
[SAMAN PEMULA NO: 24NCVC-427-09-2014]
B 18 MEI 2015

KONTRAK: *Kemungkiran – Perjanjian – Terma-terma perjanjian – Defendan pertama bersetuju menyelesaikan bayaran ansuran bulanan untuk kereta plaintif – Hak milik kereta hanya akan dipindah kepada defendan pertama selepas bayaran*
C *ansuran diselesaikan – Persetujuan pihak bank – Sama ada diperolehi – Kegagalan membayar ansuran bulanan – Penyerahan kereta kepada defendan kedua – Sama ada persetujuan secara bertulis diperolehi daripada plaintif – Sama ada perjanjian sah dan boleh diterima masuk – Sama ada perjanjian disetem – Sama ada perjanjian mengikat kedua-dua pihak – Sama ada defendan pertama memungkiri*
D *perjanjian – Sama ada defendan pertama perlu menanggung kerugian yang dialami oleh plaintif*

Plaintif merupakan penjamin bagi pinjaman yang diperolehi oleh mendiang suaminya daripada Malayan Banking Berhad ('MBB') bagi pembelian sebuah kereta jenis Toyota Camry ('kereta tersebut'). Lebih kurang enam bulan
E selepas itu, suami plaintif telah meninggal dunia dan plaintif tidak mampu untuk meneruskan pembayaran ansuran bulanan kereta tersebut. Pada masa itu, defendan pertama telah menunjukkan kesanggupannya untuk mengambil alih kereta tersebut dengan membayar ansuran bulanan kereta tersebut. Pada 9 Julai 2010, plaintif telah memasuki satu perjanjian ('perjanjian tersebut')
F dengan defendan pertama berkenaan kereta tersebut. Di antara terma-terma yang dipersetujui adalah: (i) hak milik kereta tersebut akan dipindahkan kepada defendan pertama selepas keseluruhan bayaran ansuran kepada MBB diselesaikan; dan (ii) defendan pertama tidak berhak untuk menyerahkan kereta tersebut kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran bertulis daripada
G pihak plaintif. Tanpa pengetahuan plaintif, defendan pertama telah menyerahkan kereta tersebut kepada defendan kedua. Pada 28 Januari 2013, pihak MBB telah memaklumkan plaintif bahawa terdapat tunggakan bayaran ansuran dan pada hari yang sama, plaintif telah memaklumkan pihak MBB untuk mengambil milikan kereta tersebut. Walau bagaimanapun,
H pihak MBB telah memulakan tindakan di Mahkamah Sesyen untuk menuntut jumlah RM124,922.86 terhadap plaintif sebagai penjamin kereta tersebut. Tidak berpuas hati, plaintif telah memfailkan tindakan ini untuk menuntut, antara lain, (a) deklarasi bahawa defendan kedua telah memiliki kereta tersebut secara tidak sah; dan (b) defendan-defendan pertama dan kedua secara bersama atau berasingan menanggung segala tuntutan dan kos yang
I dikenakan oleh MBB terhadap plaintif. Sebaliknya, defendan pertama berhujah bahawa (i) keseluruhan kausa tindakan ini adalah cacat dan defektif kerana plaintif tidak menunjukkan bukti bahawa beliau mempunyai kuasa

dan hak untuk mewakili harta pusaka suaminya; (ii) penyerahan kereta tersebut kepada defendan kedua telahpun dimaklumkan kepada plaintif secara peribadi; (iii) perjanjian tersebut ditandatangani tanpa kebenaran dan persetujuan MBB; dan (iv) perjanjian tersebut tidak disetem. Persoalan yang dibangkitkan untuk pertimbangan adalah sama ada perjanjian tersebut sah dan mengikat pihak-pihak.

Diputuskan (membenarkan permohonan plaintif dengan kos):

(1) Perjanjian tersebut adalah sah dan tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang. Perjanjian tersebut, yang dimasuki secara sukarela, menunjukkan kefahaman pihak-pihak terhadap status kereta tersebut dan tiada kecacatan dalam perjanjian itu. Kedua-dua pihak telah berhasrat untuk memasuki perjanjian tersebut di mana balasannya dinyatakan secara jelas. Defendan pertama telah memasuki perjanjian tersebut setelah mendapat maklumat lengkap mengenai keadaan plaintif dan kereta tersebut. Setelah kematian suaminya, plaintif telah menjadi pemilik benefisial kereta tersebut dan defendan pertama telah mengetahui kapasiti plaintif. (perenggan 15, 16, 18, 19 & 23)

(2) Perjanjian tersebut memperuntukkan bahawa plaintif hanya membenarkan defendan pertama untuk menggunakan kereta tersebut dan menyambung bayaran ansurannya dengan pihak MBB. Hak milik kereta tersebut hanya boleh dipindahkan kepada defendan pertama setelah selesainya bayaran tersebut. Persetujuan ini tidak melibatkan pihak MBB dan oleh itu, tiada keperluan untuk mendapatkan persetujuan MBB. (perenggan 20)

(3) Seksyen 38 Akta Sewa Beli 1967 tidak mempunyai kaitan kerana peruntukan tersebut adalah berhubung dengan 'fraudulent sale or disposal' atau cubaan untuk melakukan frod terhadap tuan punya. Dalam keadaan ini, bayaran ansuran terus dibayar oleh defendan pertama kepada MBB dan tidak wujudnya elemen frod ke atas MBB (*AmFinance Bhd v. Kt Steel Sdn Bhd & Ors*; dibezakan). (perenggan 21)

(4) Perjanjian tersebut memperuntukkan bahawa defendan pertama sebagai pihak pertama dikehendaki membayar semua bayaran duti setem. Jika defendan hendak mengemukakan perjanjian tersebut sebagai keterangan, maka s. 52 Akta Setem 1949 akan menghalangnya. Dalam perjanjian tersebut, pihak plaintif tidak mempunyai sebarang tanggungjawab untuk membayar sebarang bayaran duti setem. Oleh itu, plaintif tidak boleh dipersalahkan sekiranya defendan pertama gagal untuk membuat pembayaran tersebut. Tambahan, mahkamah tidak boleh memaksa plaintif untuk membayar duti setem tersebut bagi pihak defendan pertama kerana plaintif ingin mengemukakan perjanjian tersebut sebagai keterangan pihaknya. Plaintif bukanlah termasuk dalam golongan 'any

person having by law' membayar duti setem. Adalah tidak adil sekiranya plaintif dinafikan kebolehterimaan perjanjian tersebut sebagai keterangan yang menyokong tuntutannya semata-mata kerana keengganan defendan pertama untuk menjelaskan duti setem. (perenggan 22)

(5) Perjanjian tersebut memperuntukkan bahawa defendan pertama telah bersetuju untuk tidak menyerahkan hak atau kepentingannya ke atas kereta tersebut kepada mana-mana pihak tanpa mendapat persetujuan secara bertulis daripada pihak plaintif. Defendan pertama telah gagal untuk mengemukakan sebarang bukti mengenai kebenaran yang diperolehi daripada plaintif. Keterangan secara penyataan defendan pertama di dalam afidavit tanpa disokong oleh kebenaran bertulis daripada plaintif adalah tidak memadai. Defendan pertama telah memungkiri perjanjian tersebut dan beliau perlu menanggung segala kerugian yang dialami oleh plaintif daripada tindakan yang diambil oleh MBB. (perenggan 24-26)

Kes-kes yang dirujuk:
AmFinance Bhd v. KT Steel Sdn Bhd & Ors [2007] 1 LNS 243 HC ***(dibezakan)***
Singma Sawmill Co Sdn Bhd v. Asian Holdings (Industrialised Buildings) Sdn Bhd [1979] 1 LNS 96 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Hire-Purchase Act 1967, s. 38
Stamp Act 1949, s. 52

Bagi pihak plaintif - S Lethchiemanan; T/n Pathi & Assocs
Bagi pihak defendan pertama - Murali; T/n Al-Murali & Co

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Che Ruzima Ghazali PK:

Pendahuluan

[1] Tuntutan plaintif terhadap defendan pertama berasaskan kepada satu perjanjian yang telah dimasuki bertarikh 9 Julai 2010. Melalui saman pemula ini, plaintif telah menuntut perintah-perintah berikut:

(a) Satu deklarasi bahawa defendan kedua memiliki kereta Toyota Camry No. Pendaftaran AGA 9599 secara tidak sah;

(b) Satu perintah bahawa defendan kedua dalam masa 48 jam daripada tarikh perintah mahkamah ini menyerah kembali kereta Toyota Camry No. Pendaftaran AGA 9599 kepada plaintif atau kepada Malayan Banking Berhad dalam keadaan baik (roadworthy condition);

(c) Defendan pertama dan defendan kedua secara bersama dan atau berasingan menanggung segala tuntutan, kos faedah dan penalti yang dikenakan oleh Malayan Banking Berhad terhadap plaintif di atas kemungkiran defendan kedua dalam menjelaskan ansuran bulanan kereta tersebut;

(d) Satu perintah bahawa pihak polis membantu plaintif dalam usaha plaintif untuk mendapat kembali (reposses) kereta Toyota Camry No. Pendaftaran AGA 9599 daripada pemilikan defendan kedua;

(e) Kos permohonan ini ditanggung oleh defendan-defendan; dan

(f) Sebarang relif lain yang difikirkan adil dan sesuai oleh mahkamah yang mulia ini.

Latar Belakang Tindakan

[2] Plaintif merupakan penjamin bagi pinjaman yang diperoleh oleh mendiang suaminya Kumar a/l Murugayya daripada Malayan Banking Berhad (MBB) bagi pembelian sebuah kereta jenis Toyota Camry dengan No. Pendaftaran AGA 9599 (kereta tersebut) pada 12 Januari 2010. Pada masa suami plaintif meninggal dunia pada 24 Jun 2010, kereta tersebut baru digunakan lebih kurang enam bulan.

[3] Plaintif pada semua masa yang material bekerja sebagai seorang jururawat di Hospital Sungai Buloh dan dengan gaji yang diterima, plaintif tidak mampu untuk memiliki serta meneruskan pembayaran ansuran bulanan kereta tersebut yang berjumlah RM1,797. Plaintif tidak tahu apa yang harus dilakukan. Kemudiannya bapa mertua plaintif telah memperkenalkan plaintif dengan defendan pertama yang mana telah menyatakan kesanggupannya untuk mengambil alih kereta tersebut dengan cara meneruskan bayaran ansuran dengan MBB. Bagi tujuan tersebut, satu perjanjian telah ditandatangani pada 9 Julai 2010 (perjanjian tersebut) di antara plaintif dan defendan pertama.

[4] Sejak defendan pertama mengambil milikan kereta tersebut, MBB tidak pernah menghubungi plaintif berkenaan dengan bayaran ansuran kereta tersebut.

[5] Pada 20 Oktober 2010, defendan pertama tanpa pengetahuan plaintif telah menyerahkan kereta tersebut kepada defendan kedua. Plaintif hanya tahu tentang penyerahan tersebut setelah defendan pertama menyerahkan sesalinan perjanjian penyerahan tersebut.

[6] Pada 28 Januari 2013, plaintif telah dimaklumkan oleh pihak MBB bahawa terdapat tunggakan bayaran ansuran selama empat bulan. Pada hari yang sama, menerusi sepucuk surat plaintif telah meminta pihak MBB Berhad mengambil milikan kereta tersebut.

[7] Pihak MBB Berhad tidak mengambil milikan kereta tersebut, sebaliknya telah mengemukakan tindakan saman yang difailkan di Mahkamah Sesyen Ipoh bagi menuntut sejumlah RM124,922.86 setakat 16 Disember 2013 terhadap plaintif sebagai penjamin. Penghakiman ingkar telah dimasukkan terhadap plaintif di Mahkamah Sesyen Ipoh pada 16 Disember 2013 dan telah kemudiannya berjaya diketepikan plaintif pada 30 Jun 2014. Tindakan terhadap plaintif oleh pihak MBB masih berterusan di Mahkamah Sesyen Ipoh.

Tuntutan Plaintif

[8] Berdasarkan perjanjian tersebut, defendan pertama secara jelas dan nyata bersetuju meneruskan bayaran ansuran kereta tersebut dengan pihak MBB dan plaintif akan memindah milik kereta tersebut setelah defendan pertama menyelesaikan keseluruhan bayaran MBB. Defendan pertama tanpa sebarang kebenaran daripada plaintif telah menjual kereta tersebut kepada defendan kedua sedangkan dalam perjanjian telah disebut secara nyata keperluan pemberian kebenaran tersebut secara bertulis oleh plaintif kepada defendan pertama.

[9] Plaintif hanya mengetahui penjualan tersebut apabila MBB menuntut bayaran ansuran yang dikatakan telah tertunggak. Defendan pertama tidak berhak menyerahkan kereta tersebut kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran secara bertulis dari pihak plaintif. Dengan itu menjadi tanggungjawab defendan pertama mendapatkan kembali kenderaan tersebut dari defendan kedua dan menanggung segala tuntutan yang dibuat MBB terhadap plaintif.

Pembelaan Defendan

[10] Pihak plaintif tidak pernah menunjukkan bukti-bukti yang nyata dan kukuh bahawa plaintif mempunyai kuasa dan hak untuk mewakili harta-pusaka suaminya. Oleh itu keseluruhan kausa tindakan plaintif terhadap defendan pertama adalah cacat dan defektif. Defendan pertama bersetuju mengambil-alih pembayaran ansuran kereta tersebut hanya berdasarkan permintaan pihak plaintif sahaja.

[11] Defendan pertama tidak berpuas hati dengan prestasi kereta tersebut dan telah menyerahkan kereta tersebut kepada defendan kedua pada 20 Oktober 2010 selaku pemilik ketiga kereta tersebut. Penyerahan kereta tersebut telah pun dimaklumkan kepada plaintif secara peribadi. Plaintif tahu defendan kedua telah bersetuju untuk membuat segala pembayaran yang terlibat dan plaintif tidak ada bantahan asalkan ansuran bulanan yang terlibat dibayar.

[12] Defendan pertama juga mengatakan bahawa perjanjian tersebut telah ditandatangani tanpa kebenaran mahupun persetujuan MBB. Dari segi undang-undang defendan pertama tidak ada sebarang obligasi untuk membuat apa-apa bayaran kepada pihak MBB. Perjanjian tersebut juga tidak disetem.

Isu

[13] Sama ada perjanjian tersebut sah dan mengikat pihak-pihak.

Analisis Dan Dapatan Mahkamah

[14] Perenggan 6 afidavit sokongan plaintif menceritakan bagaimana perjanjian tersebut dimasuki. Perenggan 7 afidavit balasan defendan tidak menafikan apa yang dinyatakan plaintif malah bersetuju dengan pengambilalihan kereta tersebut. Oleh itu, pihak defendan pertama tidak mempertikaikan wujudnya perjanjian tersebut.

[15] Perjanjian tersebut jika diteliti adalah satu perjanjian yang ringkas dan menggunakan bahasa yang mudah. Malah orang kebiasaan pun boleh dengan mudah memahaminya dalam perjanjian tersebut, defendan pertama dinamakan sebagai pihak yang pertama dan plaintif sebagai pihak yang kedua. Dari mukadimah, jelas dinyatakan kefahaman pihak-pihak ke atas status kereta tersebut, hasrat pihak-pihak dan balasan kepada perjanjian. Waad pihak-pihak dinyatakan di perenggan 1 hingga 10.

[16] Sekilas pandang, tidak ada cacatnya dengan perjanjian tersebut. Pihak-pihak kepada perjanjian telah ada, defendan pertama dan plaintif. Perkara yang menjadi pokok perjanjian adalah kereta tersebut. Kedua-dua pihak berhasrat untuk memasuki perjanjian dan balasannya telah dinyatakan secara jelas. Kesemua elemen sebagai sebuah perjanjian yang sah telah pun wujud.

[17] Peguam defendan pertama berhujah bahawa pemilik sebenar kereta tersebut adalah MBB dan bukannya plaintif. Defendan pertama membangkitkan isu bahawa perjanjian tersebut tidak sah kerana ianya tidak mendapat persetujuan secara bertulis dari pihak MBB. Plaintif tidak ada hak memasuki perjanjian tersebut dan ianya adalah satu kontrak yang tidak sah sama sekali. Kes *Singma Sawmill Co Sdn Bhd v. Asian Holdings (Industrialised Buildings) Sdn Bhd* [1979] 1 LNS 96; [1979] 1 MLRA 419 dirujuk.

[18] Dengan hormatnya, di antara prinsip yang disebut di dalam kes autoriti tersebut adalah mengenai kesan kepada perjanjian yang tidak mematuhi kehendak undang-undang. Dalam kes ini, tidak ditunjukkan peruntukan mana undang-undang yang tidak dipatuhi pihak plaintif. Sebaliknya adalah didapati bahawa perjanjian tersebut telah dimasuki pihak defendan pertama setelah mendapat maklumat lengkap berkenaan keadaan plaintif dan kereta tersebut.

[19] Dari keterangan afidavit yang ada, defendan pertama tahu bahawa kereta tersebut kepunyaan mendiang suami plaintif. Plaintif adalah penjamin pinjaman kereta tersebut dengan MBB. Setelah kematian suaminya, sudah tentulah plaintif sebagai isteri menjadi pemilik benefisial kereta tersebut. Defendan pertama tahu tentang kapasiti plaintif tersebut. Pengetahuan defendan pertama ke atas fakta tersebut jelas boleh dilihat di perenggan A dan B mukadimah perjanjian tersebut.

[20] Perjanjian tersebut juga memperuntukkan bahawa plaintif hanya membenarkan defendan pertama menggunakan kereta tersebut dan menyambung bayar bayaran ansuran dengan pihak MBB. Setelah selesai bayaran barulah hak milik kereta tersebut dipindahkan kepada defendan pertama. Aturan yang dipersetujui langsung tidak melibatkan MBB. Oleh itu, tidak ada keperluan untuk mendapatkan persetujuan MBB. Tidak ditunjukkan peruntukan undang-undang manakah yang telah dilanggar dengan terma-terma yang dimeterai dalam perjanjian tersebut.

[21] Seksyen 38 Akta Sewa Beli 1967 yang dibangkitkan peguam defendan pertama juga tidak berkaitan sama sekali kerana peruntukan tersebut adalah berhubung dengan "fraudulent sale or disposal" atau cubaan melakukan frod ke atas tuan punya. Dalam perjanjian tersebut bayaran ansuran terus dibayar kepada MBB oleh defendan pertama dan tidak wujud langsung elemen frod ke atas MBB. Kes *AmFinance Bhd v. KT Steel Sdn Bhd & Ors* [2007] 1 LNS 243; [2007] 3 MLRH dibezakan.

[22] Akhirnya peguam defendan pertama menghujahkan bahawa plaintif tidak boleh menggunakan perjanjian tersebut kerana ianya tidak disetem. Hujahan ini telah diteliti. Perjanjian tersebut secara jelas memperuntukkan bahawa sebagai pihak pertama dalam perjanjian tersebut defendan pertamalah yang dihendaki membayar semua bayaran duti setem. Perenggan 10 perjanjian tersebut jelas menyebut perkara tersebut. Dalam hal ini, adalah didapati bahawa jika defendan hendak mengemukakan perjanjian tersebut sebagai keterangan, s. 52 Akta Setem 1949 (Akta 378) akan menghalangnya. Seksyen tersebut memperuntukkan:

> Instruments not duly stamped inadmissible in evidence
>
> (1) No instrument chargeable with duty shall be admitted in evidence for any purpose by any person having by law or consent of parties authority to receive evidence, or shall be acted upon, registered, or authenticated by any such person or by any public officer, unless such instrument is duly stamped ...

Di dalam perjanjian tersebut, adalah jelas pihak plaintif tidak ada sebarang tanggungjawab untuk membayar apa-apa bayaran duti setem. Plaintif tidak boleh dipersalahkan sekiranya defendan pertama gagal membuat pembayaran tersebut. Mahkamah tidak boleh memaksa plaintif membayar duti setem tersebut bagi pihak defendan pertama semata-mata kerana plaintif ingin mengemukakan perjanjian tersebut sebagai keterangan pihaknya. Plaintif bukanlah termasuk dalam kategori "any person having by law" membayar duti setem. Dengan itu adalah tidak adil sekiranya plaintif dinafikan kebolehterimaan perjanjian tersebut sebagai keterangan yang menyokong tuntutannya semata-mata kerana keengganan defendan pertama menjelaskan duti setem.

[23] Oleh yang demikian, adalah didapati bahawa perjanjian tersebut adalah satu perjanjian yang sah dan tidak berlawanan dengan mana-mana undang-undang. Perjanjian tersebut telah dimasuki secara sedar serta sukarela oleh pihak-pihak dan adalah mengikat.

[24] Di dalam perjanjian tersebut, defendan pertama telah secara nyata bersetuju untuk tidak menyerahkan hak atau kepentingannya ke atas kereta tersebut kepada mana-mana pihak tanpa mendapat persetujuan secara bertulis dari pihak plaintif. Perenggan 9 perjanjian tersebut telah menetapkan secara mandatori tentang keperluan persetujuan tersebut sebelum defendan pertama boleh menyerah kereta tersebut untuk disambung bayar dan diguna oleh defendan kedua.

[25] Defendan pertama gagal mengemukakan sebarang bukti mengenai kebenaran yang dikatakan telah diperoleh dari plaintif seperti yang diikrarkan dalam afidavit jawapan defendan pertama. Keterangan secara penyataan defendan pertama dalam afidavit tanpa disokong dengan kebenaran secara bertulis dari plaintif adalah tidak memadai.

[26] Dengan itu, adalah didapati pihak defendan pertama telah mungkir perjanjian tersebut dan perlulah menanggung rugi segala kerugian yang dialami plaintif kesan dari tindakan yang diambil MBB.

Keputusan

[27] Berdasarkan kepada alasan yang telah dinyatakan tersebut, adalah didapati di atas imbangan kebarangkalian, pihak plaintif telah berjaya membuktikan tuntutannya terhadap defendan pertama. Perintah seperti mana dipohon plaintif di Lampiran 1. Kos sebanyak RM3,000 dibenarkan, dibayar kepada pihak plaintif oleh defendan pertama.